



EMENANG PINGAT EMAS ..... Dr. Takashi Kamada (dua dari kanan) dan Dr. Chee Fuei Pien (tepi kanan).

# ITEX 2017: Penyelidik UMS raih dua emas, empat perak

NSR 23.5.2017 5

KUALA LUMPUR: Penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus memaparkan pelbagai pencapaian melalui pengiktirafan dalam penyertaan pameran penyelidikan bertaraf antarabangsa.

Terbaru, UMS sekali lagi berjaya meraih dua pingat emas dan empat perak dalam Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2017 yang berlangsung tiga hari di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Pingat emas pertama diraih oleh penyelidik Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan UMS, Dr. Takashi Kamada melalui inovasi beliau yang bertajuk "SYZYGIUM: New Anti-Fungal Nutraceuticals".

Manakala, Dr. Chee Fuei Pien daripada Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA)

menyumbang pingat emas kedua UMS dengan inovasi bertajuk "Eye Tracking Electronic Wheel Chair for Physically Challenged Person".

Penyampaian pingat emas tersebut disempurnakan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Wira Dr. Abu Bakar Mohamad Diah pada hari kedua sempena Malam Budaya Cipta.

Dr. Takashi Kamada turut mencatat nama sebagai penerima anugerah pingat perak melalui inovasi bertajuk "Novel Anti-Adult T-Cell Leukemia Drug from Bornean Red Alga Laurencia majuscula".

Dengan inovasi bertajuk "SSA-GIS (School Suitability Analysis Using Geographic Information Systems)", turut bersama Dr. Takashi menyumbang pingat perak ialah Dr. Gaim @ James Lunkapis dari Fakulti Kemanusiaan,

Seni dan Warisan (FKSW).

Dua pingat pingat perak selebihnya pula diraih oleh penyelidik Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Prof. Madya Dr. Maher Fouad Sefein Beshay melalui dua inovasi beliau iaitu, "Portable Capturing System for Nystagmus (PCSN)" dan "Window to the World (An Interactive Model for Extraocular Muscles)".

Pameran pertandingan inovasi dan teknologi ini merupakan pameran tahunan anjuran Malaysian Invention and Design Society (MINDS).

Bertemakan "Inventing for a Better World", ITEX 2017 mempamerkan lebih 1,000 rekacipta daripada peserta pelbagai negara merangkumi Korea Selatan, Arab Saudi, Iran, Thailand, Poland, Egypt, Kuwait, Bahrain, Indonesia, Taiwan selain tuan rumah Malaysia.